

## **SKOP PEMBIAYAAN “ IN-KIND CONTRIBUTION “ (IKC), AGROPRENEUR MUDA**

### **MATLAMAT**

- 1) Menyelaras dan memudahkan cara program/aktiviti Jabatan/Agensi di bawah MOA dan/atau swasta di dalam dan di luar negara.
- 2) Mengubah persepsi dan menarik minat generasi muda terhadap bidang pertanian dan industri asas tani.
- 3) Membangunkan modul pakej keusahawanan berasaskan industri pertanian mengikut keserasian dan kehendak generasi muda.
- 4) Membangunkan Agropreneur Muda dengan memberi latihan, bimbingan dan khidmat perundingan serta sokongan teknikal, kewangan dan pemasaran secara berpakej.
- 5) Menjana pendapatan tinggi dalam kalangan Agropreneur Muda.

### **SYARAT PERMOHONAN PEMBIAYAAN**

- 1) Warganegara Malaysia
- 2) Golongan belia berumur 18-40 tahun.
- 3) Tidak mengira latar belakang pendidikan
- 4) Belia yang baru memulakan projek, wajib mengikuti program latihan teknikal anjuran Jabatan & Agensi berkaitan..
- 5) Keutamaan kepada belia yang mempunyai kemudahan tanah & premis sedia ada.

Permohonan menggunakan borang UAM 01/14 (pin.01/16) dan setiap pemohon layak membuat satu (1) permohonan sahaja. Borang permohonan boleh didapati di laman sesawang MOA.

### **JENIS BANTUAN**

#### **1) Khidmat nasihat teknikal dan latihan**

#### **2) Kategori projek permulaan**

Geran berbentuk barangan ( In kind Contribution) – Maksimum RM20,000

#### **3) Kategori projek pengembangan**

Pakej khas pembiayaan bagi pengembangan projek pertanian sedia ada daripada Agensi pembiayaan seperti berikut :

- a) Agrobank – RM50,000 hingga RM200,000 bagi setiap projek
- b) TEKUN Nasional – Sehingga RM50,000 bagi setiap projek



©